

**Akses Kepada Pendidikan Tinggi Tingkatkan Taraf Kehidupan - Najib
Bernama
27 Februari 2014**

PETALING JAYA, 27 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata satu perempat daripada rakyat Malaysia berumur di antara 18 hingga 24 tahun kini melanjutkan pelajaran peringkat tinggi atas usaha berterusan kerajaan meningkatkan dan memperluaskan akses pendidikan kepada rakyatnya.

Perdana Menteri berkata apabila Universiti Malaya mengambil kumpulan pertama pelajarnya pada 1959, hanya terdapat lebih sedikit daripada 300 pelajar yang mengikuti pendidikan tinggi di negara ini sebelum jumlah itu meningkat kepada kira-kira 4,500 pada 1967.

"Hari ini dengan meningkatnya akses kepada pendidikan, adalah dianggarkan seorang daripada empat rakyat Malaysia yang berumur antara 18 hingga 24 tahun kini melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi," katanya semasa merasmikan kampus baharu Universiti Antarabangsa Unitar di Kelana Jaya di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh, canselor Unitar Datuk Mohamed Nizam Tun Abdul Razak dan pengerusinya Datuk Seri Dr Suleiman Mohamed.

Najib berkata dengan meningkatnya kemudahan akses untuk pendidikan di setiap peringkat untuk semua rakyat ia boleh meningkatkan kemungkinan kejayaan bagi mereka yang kurang bernasib baik.

"Selama bertahun-tahun kita memerangi kemiskinan melalui pendidikan," kata Najib sambil menambah pendidikan juga merupakan ubat mujarab untuk menangani ketaksamaan pendapatan.

"Hari ini, kita lihat ramai anak lelaki dan perempuan di kalangan keluarga nelayan, penoreh getah dan petani pulang ke kampung semasa Hari Raya, Tahun Baharu Cina, Deepavali sebagai doktor, jurutera dan peguam," katanya.

Perdana menteri juga berkata usaha memperluaskan akses kepada pendidikan perlu seiring dengan usaha meningkatkan kualiti pendidikan.

Sehubungan itu, Najib mahu universiti tempatan dan antarabangsa melibatkan diri dalam usaha ini dan menjalin kerjasama kerana inilah antara tujuan institusi seperti Unitar diwujudkan.

Beliau berkata dengan dilengkapi pendidikan, rakyat mampu menghadapi cabaran yang mendatang.

"Dan sebagai seorang yang berpendidikan ia bukan sahaja setakat memiliki ijazah tetapi lebih penting mempunyai sikap yang betul mengenai kehidupan," katanya.

Berkenaan Unitar yang ditubuhkan pada 1997, Najib berharap universiti yang mengambil sempena nama Allahyarham ayahandanya, Tun Abdul Razak Hussein itu, dapat terus berkembang menjadi institusi pengajian tinggi swasta terulung berlandaskan semangat dan legasi yang ditinggalkan pencetus Dasar Pelajaran Kebangsaan itu.

"Saya bagi pihak anggota keluarga ingin mengucapkan tahniah kepada Unitar atas pelancaran kampus baharu ini dan berdoa supaya ia terus maju dalam memberi pendidikan berkualiti kepada masyarakat," katanya.

Bangunan kampus baharu setinggi 15 tingkat yang dibina berkonsepkan mesra alam itu turut mempunyai kemudahan buat golongan kurang upaya, dan dijangka mampu menampung 8,000 pelajar.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1018048>